

**MAJLIS SUKAN SEKOLAH PULAU PINANG  
MSSPP**

**PERATURAN-PERATURAN AM**

**PERATURAN 1 :**

Istilah pertandingan yang digunakan juga bermaksud 'kejohanan'.  
Istilah 'permainan' yang digunakan bermaksud semua permainan dan sukan di bawah payung MSSPP.

**PERATURAN 2 :**

Keseluruhan pengawalan pertandingan MSSPP akan diletakkan di bawah MSSPP yang boleh mewakili kuasa sebarang pertandingan kepada sekolah (anggota) atau Jawatankuasa khas yang dilantik oleh MSSPP.

**PERATURAN 3 :**

Semua pertandingan MSSPP hanya boleh disertai oleh pelajar **SEPENUH MASA** dari sekolah-sekolah yang menjadi anggota MSSPP.

**PERATURAN 4 :**

Perkumpulan atlet hendaklah selaras dengan kumpulan umur atau kelas yang ditetapkan untuk pertandingan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) selain daripada yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi MSSPP.

**PERATURAN 5 :**

Setiap atlet hanya boleh menyertai **SATU** kumpulan umur sahaja dalam sesuatu pertandingan. Bagi sukan Balapan dan Padang serta Renang, atlet hanya boleh mengambil bahagian dalam acara-acara kumpulan umurnya sendiri (kecuali acara terbuka).

**PERATURAN 6 :**

Murid-murid yang masih menunggu keputusan peperiksaan am Kementerian Pendidikan Malaysia seperti SPM, SPVM atau STPM **TIDAK LAYAK** menyertai sebarang pertandingan MSSPP sehingga keputusan peperiksaan yang berkenaan dirasmikan dan murid-murid berkenaan kemudiannya didaftarkan sebagai murid **SEPENUH MASA**. Walau bagaimanapun, penyertaan pelajar-pelajar berkenaan adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan/Undang-Undang Sukan/ Permainan yang berkenaan.

#### **PERATURAN 7 :**

Bagi acara berpasukan, sebuah sekolah hanya boleh menghantar **SATU PASUKAN** sahaja.

#### **PERATURAN 8 :**

Murid-murid sekolah tidak dibenarkan bertugas sebagai pengadil/ ampayar/ penjaga masa/ perakam dsb. dalam sebarang pertandingan MSSPP melainkan dengan kebenaran Setiausaha Agung.

#### **PERATURAN 9 :**

Pihak Pengelola tidak akan membenarkan seseorang atlet masuk bertanding sekiranya permintaan untuk mendapatkan dokumen yang menentukan umur atlet tersebut tidak ditunaikan.

#### **PERATURAN 10 :**

Pihak Pengelola adalah diberi kuasa untuk menghalang sebarang pasukan atau atlet daripada bertanding sekiranya guru pengawasnya tidak turut serta.

#### **PERATURAN 11 :**

Semua atlet yang mengambil bahagian dalam pertandingan MSSPP adalah wakil sekolah masing-masing. MSSPP tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kejadian yang mungkin berlaku sebelum, semasa atau selepas pertandingan. Pihak sekolah adalah bertanggungjawab mendapatkan kebenaran dan persetujuan bertulis daripada ibu bapa/ waris atlet-atlet yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan MSSPP dan menguruskan seorang guru sekolah untuk mengiringi atlet sepanjang pertandingan.

#### **PERATURAN 12 :**

Semua pegawai atau pasukan tidak boleh sama sekali mengeluarkan kata-kata kasar terhadap pengadil/ pegawai yang bertugas semasa pertandingan dijalankan ataupun di luar padang/ gelanggang selepas pertandingan tamat. **TINDAKAN TATATERTIB** mungkin diambil terhadap mereka yang tidak patuh kepada peraturan ini.

#### **PERATURAN 13 :**

Sekolah yang telah mengambil bahagian dalam acara berpasukan di peringkat awal **TIDAK DIBENARKAN** menarik diri di pertengahan pertandingan. Sekolah yang berbuat demikian akan diminta memberi alasan kepada Jawatankuasa Disiplin yang akan diketuai oleh Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan.

#### PERATURAN 14 :

Bilangan maksima atlet yang layak menerima hadiah bagi acara-acara BERPASUKAN adalah seperti berikut:-

Bil.	Permainan/Sukan	Peringkat Umur	Kumpulan (Jantina)	Bilangan Maksima
14.1	BOLA BALING	12/18 TKB	L & P	12
14.2	BOLA JARING	12/15/18 TKB	P	12
14.3	BOLA KERANJANG	12/18 TKB	L & P	12
14.4	BOLA SEPAK	12/15/18 TKB	L	18
14.5	BOLA TAMPAR	12/18 TKB	L & P	12
14.6	CATUR	12/15/18 TKB	L & P	6
14.7	GIMNASTIK ARTISTIK	12/15/18 TKB	L & P	7
14.8	GIMRAMA	12/15/18 TKB	P	4
14.9	HOKI	12/18 TKB	L & P	18
14.10	KRIKET	12/18 TKB	L	15
14.11	MEMANAH	12/15/18 TKB	L & P	4
14.12	BALAPAN & PADANG*	12/15/18 TKB	L & P	6
14.13	PING PONG	12/18 TKB	L & P	5
14.14	PELAYARAN	12/15/18 TKB	L & P	5
14.15	RAGBI	12/18 TKB	L	25
14.16	RENANG	12/15/18 TKB	L & P	5
14.17	POLO AIR	12/18 TKB	L	13
14.18	SEPAK TAKRAW (PASUKAN)	12/15/18 TKB	L	12
14.19	SEPAK TAKRAW (REGU)	12/15/18 TKB	L	5
14.20	SOFBOL	12/18 TKB	L & P	15
14.21	TENIS	12/15/18 TKB	L & P	5
14.22	SILAT	TERBUKA	L & P	-
14.23	WUSHU	12/18 TKB	L & P	6

\*ACARA BERGANTI-GANTI SAHAJA

## PERATURAN 15 :

Hadiah-hadiah akan diberi kepada pemenang-pemenang seperti berikut:-

### 15.1 PERMAINAN

BILANGAN PASUKAN/ PERSEORANGAN/ BERGU/ REGU YANG DIDAFTARKAN	HADIAH
(a) kurang daripada TIGA (3)	Pingat untuk acara perseorangan/bergu/regu Pingat & Trofi untuk acara berpasukan (Tiada pertandingan)
(b) TIGA (3) & EMPAT (4)	Johan dan Naib Johan sahaja
(c) LIMA (5)	Johan, Naib Johan dan Ketiga sahaja
(d) ENAM (6) dan lebih	Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat

### 15.2 BALAPAN & PADANG

ACARA YANG DIPERTANDINGAN	BILANGAN PASUKAN/ PERSEORANGAN PADA MASA PENDAFTARAN	HADIAH Pingat sahaja
Semua acara padang dan acara balapan	(a) TIGA (3) & EMPAT (4) (b) LIMA (5) dan lebih	Pertama & Kedua sahaja Pertama, Kedua, & Ketiga
<b>KECUALI</b> Acara balapan 2000 meter dan lebih serta acara gabungan	(c) SEPULUH (10) dan lebih	Pertama hingga Kenam

### 15.3 RENANG

BILANGAN ACARA PERSEORANGAN/ PASUKAN YANG DIPERTANDINGKAN	HADIAH Pingat sahaja
(a) DUA (2)	Pertama sahaja
(b) TIGA (3) & EMPAT (4)	Pertama & Kedua sahaja
(c) LIMA (5) dan lebih	Pertama, Kedua, & Ketiga

## CATATAN :

(a) Jika semasa pertandingan didapati bilangan penyertaan kurang daripada bilangan yang didaftarkan, pemberian hadiah tidak berubah.

(b) Hadiah seperti "Peserta Terbaik", "*Man of the Match*", "Tekong Terbaik", dan sebagainya boleh diberi **jika pihak pengelola boleh mendapatkan tajaan atau derma**. Jika ada, sila maklumkan perkara ini kepada Urus setia MSSPP.

#### **PERATURAN 16 :**

Pertandingan antara pasukan tidak akan dikelolakan jika terdapat hanya 2 buah sekolah sahaja yang akan mengambil bahagian.

#### **PERATURAN 17 :**

Apabila Jadual Pertandingan telah disediakan dan pertandingan telah dijalankan, sekolah-sekolah anggota yang telah didaftarkan untuk sesuatu pertandingan dan masaih terlibat dalam pertandingan, **TIDAK BOLEH** menarik diri kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menarik diri hendaklah diberitahu kepada Sekolah/ Jawatankuasa Pengelola/ Pengerusi Teknik Permainan berkenaan dan pihak lawan sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum tarikh pertandingan yang telah ditetapkan untuk kedua-dua pihak yang berkenaan. Gagal berbuat demikian, tindakan tatatertib mungkin boleh diambil terhadap sekolah yang berkenaan.

#### **PERATURAN 18 :**

Atlet dalam pertandingan MSSPP yang dikenalpasti atau dipilih untuk mengikuti latihan atau mewakili MSSPP di pertandingan-pertandingan MSSM hendaklah mematuhi arahan MSSPP. Kegagalan mematuhi arahan tersebut boleh mengakibatkan tindakan tatatertib terhadap atlet berkenaan.

#### **PERATURAN 19 :**

Atlet yang dikenakan sebarang tindakan tatatertib akan dilarang mengambil bahagian dalam sebarang pertandingan/permainan/sukan anjuran sekolahnya, Persatuan/Badan Sukan Negeri dan Persatuan/Badan Sukan Kebangsaan.

#### **PERATURAN 20 :**

Seseorang atlet yang telah digantung oleh sekolahnya, Persatuan/Badan Sukan Negeri dan Persatuan/Badan Sukan Kebangsaan juga dilarang mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan MSSPP.

#### **PERATURAN 21 :**

Jika berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini semasa pertandingan dijalankan, pihak pengelola bertanggungjawab melaporkan kejadian tersebut kepada Urus setia MSSPP dengan secepat mungkin.

#### **PERATURAN 22 :**

Pihak pengelola, Pengerusi Teknik Permainan dan semua ahli jawatankuasanya **TIDAK DIBENARKAN** membuat kenyataan akhbar kecuali dengan kebenaran Yang Dipertua atau Timbalan-Timbalan Yang Dipertua. Walau bagaimanapun, keputusan pertandingan boleh dan patut diberitahu kepada akhbar-akhbar tempatan.

#### **PERATURAN 23 :**

Kecuali yang dinyatakan berlainan dalam Peraturan-Peraturan Am ini, Peraturan Am MSSM atau Undang-Undang Antarabangsa yang ada dan dari sedang berkuatkuasa bagi permainan yang berkenaan akan diamalkan dengan syarat sekolah telah diberi masa masa untuk perubahan tersebut.

#### **PERATURAN 24 :**

Perkara-perkara yang tidak tercatat dalam Peraturan-Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Juri atau Lembaga Rayuan bagi permainan masing-masing. Keputusan Juri atau Lembaga Rayuan permainan masing-masing adalah muktamad. Waiu bagaimanapun, jika terdapat masalah mengenai 'status', kedudukan atau kelayakan seseorang atlet murid tidak dapat diselesaikan di peringkat Juri atau Lembaga Rayuan, perkara tersebut boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Tertinggi MSSPP untuk mendapatkan keputusannya. Dalam kes seperti ini, atlet murid berkenaan boleh "**bertanding di bawah bantahan**" (*under protest*).

#### **PERATURAN 25 :**

Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang mempunyai kuasa untuk meminda atau menambah peraturan jika perlu dalam Peraturan-Peraturan Am ini. Segala keputusan MSSPP adalah muktamad dan semua sekolah anggota akan diberitahu kelak.

**MAJLIS SUKAN SEKOLAH PULAU PINANG**  
Dikemaskini pada 27 Disember 2017